



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
***DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA***

Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 12, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2545  
Faks : 603-8889 5542  
E-mail : hasar@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA**

Bagi Minggu 39/2011 (25 September hingga 1 Oktober 2011)

Pada minggu ke-39 tahun 2011 iaitu bagi tempoh 25 September hingga 1 Oktober, sejumlah 324 kes demam denggi dan satu kematian telah dilaporkan, menurun sebanyak 6 kes berbanding dengan 330 kes dengan tiada kematian pada minggu sebelumnya. Terdapat 7 buah negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu lepas iaitu Perak yang meningkat sebanyak 16 kes (100%), Johor 11 kes (58%), Melaka 4 kes (80%), N.Sembilan 4 kes (36%), WP Kuala Lumpur/Putrajaya 4 kes (11%), Kedah 3 kes (60%) dan Sabah meningkat sebanyak 3 kes (60%)(Lampiran A).

Pada tahun 2011 iaitu dari Januari hingga 1 Oktober, sebanyak 14,868 kes dilaporkan, penurunan sebanyak 60% atau 22,551 kes berbanding dengan 37,419 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama tahun 2010. Bagi tempoh yang sama, sebanyak 23 kematian akibat demam denggi dilaporkan, menurun sebanyak 80% berbanding 117 kematian pada tahun 2010.

Pada minggu lepas, terdapat satu kematian demam denggi dilaporkan di Negeri Sembilan yang melibatkan seorang pelajar perempuan berusia 11 tahun. Pesakit yang dua kali mendapatkan rawatan awal di sebuah klinik swasta, akhirnya dimasukkan ke Hospital Tuanku Jaafar Seremban pada 22 September 2011 selepas 3 hari mengalami demam. Namun, setelah seminggu dirawat di hospital tersebut, pesakit meninggal dunia akibat komplikasi iaitu *Dengue Shock Syndrome*. Pesakit ini dijangkiti denggi kerana terdapat pembiakan *Aedes* yang dijumpai di dalam botol minuman terbuang di persekitaran kawasan kediaman pesakit.

Sejumlah 65 lokaliti wabak denggi dipantau di seluruh negara, meningkat 2 berbanding 63 lokaliti pada minggu sebelumnya. Terdapat empat lokaliti wabak tidak terkawal pada minggu lepas iaitu AU2 Flat PKNS dan Flat Pandan Perdana di Selangor serta Corenthian Kondo dan Bintang Mas Kondo di WP Kuala Lumpur. Tiada lokaliti '*hot spots*' dilaporkan di seluruh negara.

Kementerian Kesihatan ingin mengingatkan kepada semua pengamal perubatan, samada kerajaan atau swasta agar sentiasa peka terhadap kejadian demam denggi di tempat masing-masing dan tidak mengambil mudah terhadap penyakit ini. Pastikan pesakit-pesakit yang mempunyai tanda dan gejala demam denggi, terutama yang mengalami tanda amaran awal segera dirujuk ke hospital berdekatan untuk rawatan lanjut. Semua kes yang disyaki demam denggi perlu dilaporkan ke Pejabat Kesihatan yang terdekat samada melalui telefon, faks, email atau melalui aplikasi *online* eNotifikasi Kementerian Kesihatan dalam tempoh 24 jam selepas kes

didiagnosa. Gagal melaporkan kes denggi, pengamal perubatan boleh dikenakan kompaun tidak melebihi RM1000 di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988.

**DATO' DR HASAN ABDUL RAHMAN**

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

4 Oktober 2011

Lampiran A

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 39/2011  
(25 September hingga 1 Oktober 2011)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 39/2011	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 39/2010
		Minggu 39 (25 Sept – 1 Okt 2011)	Minggu 38 (18 – 24 Sept 2011)		
1	Perlis	3	6	83	156
2	Kedah	8	5	356	610 (3)
3	P. Pinang	8	18	1,347 (2)	1,246 (5)
4	Perak	32	16	968 (2)	1,811 (5)
5	Selangor	121	147	5,676 (5)	13,940 (40)
6	WPKL & Putrajaya	42	38	1,431 (1)	3,495 (6)
7	N. Sembilan	15 (1)	11	577 (3)	1,389 (7)
8	Melaka	9	5	299	992 (11)
9	Johor	30	19	1,247 (5)	3,275 (10)
10	Pahang	13	17	711 (1)	1,149 (3)
11	Terengganu	7	12	522 (1)	918 (2)
12	Kelantan	12	15	554 (1)	2,995 (11)
13	Sarawak	16	16	759	3,634 (13)
14	Sabah	8	5	329 (2)	1,793 (1)
15	WP Labuan	0	0	9	16
	<b>MALAYSIA</b>	<b>324 (1)</b>	<b>330</b>	<b>14,868 (23)</b>	<b>37,419 (117)</b>

Nota: ( ) Kematian